

# MAJALAH “PEMBELA ISLAM” MUNCUL SEMULA

Kepada mereka yang mengikuti riwayat majalah-majalah apabila disebut majalah “Pembela Islam” yang terbit di Bandung sebagai suara Persatuan Islam yang disebut dengan ringkas “Persis”, maka akan terbayang kepadanya riwayat perkembangan agama yang besar pengaruhnya di seluruh Indonesia. “Pembela Islam” itulah satu-satunya majalah yang digelar orang majalah Kaum Muda yang berani dengan tegas dan dengan hujah-hujah mendirikan hak dan membuka mata umat Islam yang dimomok-momokkan oleh penjajah pada masa itu bahawa Islam agama ibadah semata-mata, dan “Pembela Islam” melancarkan bahawa Islam agama politik, agama kemasyarakatan yang meliputi kehdupan dunia dan akhirat. Mula terbitnya menghadapi taufan yang besar dan hebat sebab dasar yang dijalkannya berterus terang tidak sembunyi bersembunyi, jitu dan tepat, didasarkan kepada al-Qur‘an dan al-hadīth, dijalankan dengan hati yang ikhlas.

“Pembela Islam” telah berhenti penerbitannya 25 tahun dahulu. Melihat kepada perubahan-perubahan keadaan maka pada 1 Mac 1956 “Pembela Islam diterbitkan semula dengan dasar yang sama, mendirikan yang hak dan menjauhkan yang batil. Pemimpinnya masih ada orang-orang yang lama juga dengan ditambah tenaga-tenaga baharu. Di dalam kata permulaannya, “Pembela Islam” berkata: “Pembela Islam” tatkala mendirikan hak dan menjauhkan yang batil itu bukan sahaja kepada orang-orang yang di luar daripada partinya, Persatuan Islam, tetapi juga bagi ahlinya sendiri. Seperti yang dikatakannya:

“Pedoman kami dalam bekerja menunaikan kewajipan ialah sihat dan *ṣirāḥah*, yakni jujur dan berterus terang. Kami akan berfatwa dengan apa yang kami pandang benar, walaupun menggemparkan atau memecah

belahkan. Kami akan kritik apa-apa dan siapa-siapa yang kami pandang perlu dikritik walaupun dianggap kami tidak bijaksana dan tidak mengikuti politik.

“Dari pendirian dan pedoman yang tersebut janganlah pembaca menyangka bahawa jemaah “Persis” itu orang-orang yang bersih daripada kekurangan yang patut dicela. Tidak! Mereka tidak berbeza banyak dari lain-lain saudara mereka, kaum muslimin, terkecuali tentang menjauhi bidaah dan tentang beragamadengan tahu dalilnya dari al-Quran atau sunnah atau pun tidak dengan bahasa Arabnya.

“Dalam kaum “Persis” tidak ada bidaah-bidaah yang lama tetapi bidaah-bidaah yang baharu: berpidato sesudah menanam jenazah, khutbah Jumaat jauh lebih panjang daripada sembahyangnya, membanyakkan lelucon (jenaka) dalam khutbah

sambungannya pada muka 40

sambungan dari muka 17

Jumaat hingga ada tepuk tangan tidak sengaja.

“Dalam kaum “Persis” tidak sedikit yang membiarkan anak isterinya berpakaian cara moden. Tidak bertudung, dada “*you can look*”, berbaju tidak bertangan hingga “*you can see*” apa-apa yang di dalamnya. anak-anak gadis dipakaikan baju yang sendat sebagai sarung nangka dan cempedak, hingga adanya dan punggungnya terjojol”.

“Dalam kaum “Persis” ada yang pelihara anjing dalam rumahnya: ada yang pelihara burung dalam kurungan, ada yang adu kuda. Dari kaum “Persis” ada yang memasukkan anaknya ke sekolah Kristian dan dia sendiri berpropaganda supaya anak orang lain masuk sekolah “Persis”.

“Dalam kaum “Persis” ada yang rumahtangganya pernah dipakai buat dansa pemuda pemudi.

“Dari kaum “Persis” ada yang anak-anak perawannya masuk jadi scout (Pengakap), bercampur baur dengan anak-anak lelaki dengan tidak terbatas sedikit jua pun.

“Sekalian itu perlu diperbaiki sedapat-dapatnya. Kalau tidak dengan nasihat cara sendirian, boleh jadi pengurus-pengurusnya yang akan difikirkannya baik kerana lebih utama sedikit yang beres (sempurna) daripada banyak yang tidak keruan.”

Daripada kata-kata sambutan ini zahir dengan terang bahawa kerja-kerja yang dihadapi oleh “Pembela Islam” bukannya sahaja keluar tetapi juga ke dalam sebab selama sesudah Indonesia merdeka, kecuai-an-kecuai-an dan kelengahan-kelengahan ahli-ahli mereka khususnya tidak lagi mendapat teguran yang tepat dan jitu. Benar sungguh seperti yang disebutkan bahawa kejayaan-kejayaan yang telah lalu menjauhkan khurafat-khurafat lama telah jaya tetapi tetapi malangnya kerana perkembangan-perkembangan yang ada di dalam

masyarakat Indonesia timbul pula bidaah baharu seperti menghormati bendera, menghormati tugu dan lain-lain lagi yang berlawanan dengan pengajaran Islam.

Kita menyambut dengan gembiranya hidupnya “Pembela Islam” yang kita percaya akan mendirikan dasarnya semula berterus terang mendirikan hak dengan tidak memilih bulu. Mudah mudahan tugasnya diterima oleh umat yang insaf, kita ucapkan selamat bekerja.

## KOLEJ-KOLEJ BAHASA ARAB

Menurut siaran akhbar-akhbar Arab bahawa lembaga Perikatan Negara-Negara Arab (*al-jāmi'ah al-'arabiyyah*) akan membuka beberapa buah kolej bahasa Arab di empat buah bandar di Amerika dan Indonesia iaitu di San Paolo, Buenos Aires, Boston dan Jakarta.

## “BUTA HURUF”

Menurut istilah Indonesia

Jumlah bilangan orang-orang yang buta huruf di Palembang pada penghujung tahun yang lalu ialah 117,778 orang iaitu 47,191 orang lelaki dan 70,587 perempuan.

Buta huruf yang dimaksudkan di sini – kata siaran A.P.B Jakarta – ialah mereka yang tidak mengetahui huruf-huruf lain (huruf Rumi) bukan huruf Jawi, kerana kebanyakan orang-orang Islam di Indonesia telah mempelajari huruf Jawi semenjak dari kecilnya.

Seterusnya, kata siaran itu lagi, jumlah orang-orang yang telah berjaya mempelajari huruf latin (di Palembang) pada penghujung tahun yang lalu ialah sebanyak 3,549 orang. Adalah diharapkan jumlah ini akan bertambah besar pada tahun-tahun yang akan datang apabila jumlah guru-gurunya bertambah daripada yang ada sekarang ini.